

DATE : 05 JUNE 2013
PUBLICATION : KOSMO!
SECTION : BUSINESS SECTION
HEADLINE : CONSORTIUM APPLIES TO TIME EXTENSION
CATEGORY : COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 336 SQ CMS

UEM-Bina Puri guna alasan terjejas kerana banyak perbezaan pandangan MAHB

Konsortium minta lanjut tempoh

KUALA LUMPUR - Konsortium UEM-Bina Puri meminta tempoh lanjutan sehingga September atau Oktober tahun ini untuk menyiapkan kerja-kerja pembinaan terminal penerbangan tambang murah KLIA2.

UEM Construction Sdn. Bhd. memegang 60 peratus kepentingan dalam konsortium tersebut, sementara Bina Puri mempunyai 40 peratus kepentingan.

Pengarah Eksekutif Bina Puri Holdings Bhd. (Bina Puri), Matthew Tee Kai Woon berkata, alasan bagi lanjutan masa itu adalah kerana terdapat banyak perubahan dibuat termasuk perbezaan pandangan antara pemilik Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) dan pengguna terminal penerbangan tambang rendah itu.

"Berdasarkan alasan itu, syarikat yakin konsortium tidak perlu membayar ganti rugi yang ditentukan

dan ditetapkan (LAD) kepada MAHB atas kelewatan tersebut," katanya pada satu taklimat media di sini semalam.

Kai Woon memaklumkan, bahagian kerja konsortium itu yang bernilai RM997.2 juta kini sudah 93 peratus siap.

Sementara itu, MAHB berkata kepada *Bernama* bahawa seperti maklumannya kepada Bursa Malaysia 29 Mei lalu, LAD akan tetap dikenakan kepada kontraktor yang melanggar obligasi kontrak dalam pembinaan KLIA2.

Kerja-kerja mereka bentuk, membina, menyiapkan, menguji dan mengoperasi serta menyenggara bangunan terminal utama, bangunan satelit dan jambatan udara pada awalnya dijangka siap pada 15 Jun.

Pada Mei lalu, MAHB telah mengesahkan kelewatan pembukaan KLIA2 yang sebelum ini dijadualkan pada 28 Jun ini.



KERJA-KERJA pembinaan KLIA2 oleh Konsortium UEM-Bina Puri pada masa ini pada tahap 93 peratus siap.

To : Distribution List
From : Corporate Communications Department
Date : 5/6/2013
Subject : **BINA PURI NEWS UPDATE**, **For staff information and update